

DERA: bermula DARI APA?

INILAH manusia. Masalah manusia dengan manusia, bukan manusia dengan yang 'tidak manusia'. Manusia yang memang selalu berasa lebih berkuasa dan lebih kuat dari manusia lain; manusia yang berasa bebas untuk berbuat apa sahaja terhadap manusia lain; manusia yang mudah hilang punca dan terus jadi hilang akal, lalu bertindak menyerang manusia lain; manusia atau sekumpulan manusia yang kebetulan memiliki 'kuasa; untuk mengganyang, lantas jutaan manusia lain (dengan bumi dan langitnya sekali) diganyang habis-habisan; manusia yang geramkan nyamuk lalu membakar kelambu, sedang di dalam kelambu ada manusia lain, termasuk kaum kerabat atau anak cucunya sendiri.

Sekali lagi, inilah manusia, yakni manusia yang seronok untuk berbuat dera, yang tidak malu-aib untuk jadi pendera, yang seolah-olah senantiasa puas apabila mampu mendera!

DERA!

Istilah yang demikian popular, tetapi sangat mengerikan! Ianya boleh saja berlaku secara tertutup, dengan situasi dan kondisi terhad, pun boleh dilakukan secara terbuka, mirip sebagai provokasi tanpa sempadan. Pun ianya kelihatan kian popular!

Sangat ironis! Biasanya, kalau popular, ianya pastilah yang 'baik-baik'. Apa jua yang tidak baik tidak akan pernah popular. Yang baik-baik sahaja yang pantas dianggap popular. Tetapi tidak demikian dengan DERA.

Dera memang sedang popular. Tetapi bukan perbuatannya, tetapi istilahnya! Setiap kita sudah amat maklum apa ertrinya DERA itu; bagaimana ianya dilakukan, dan siapa yang menjadi sasarannya. Tinggal lagi yang sangat kerap orang pertanyakan: *Bagaimana dan atas dorongan apa sehingga seseorang sanggup melakukan perbuatan dera, sama ada dera kecil atau dera besar, sama ada dera mental atau dera fizikal, sama ada dilakukan secara solo atau secara berkumpulan.*

Barang kali kita tidak perlu toleh ke belakang terlalu jauh. Cukuplah untuk tempoh setahun berlalu. Dengan jangka masa itu sahaja sudah cukup untuk membuatkan otak kita berserabut, kerana sepanjang waktu itu sudah cukup banyak kejadian-kejadian dera yang dilaporkan kepada kita oleh alat-alat sebaran kita. Antaranya sangat terperinci, cukup dengan bahan visualnya sekali, yang barang kali boleh membuatkan kita (yang lemah semangat) jadi trauma dan tercengkam mimpi-ngeri, bahkan jadi jijik dan loya.

Pertama-tama, dilaporkan di akhbar-akhbar/TV. **Kedua**, laporan susulan. Pihak berkuasa mula menyiasat, mangsa dera dirawat, pelaku dera ditangkap. **Ketiga**, laporan susulan lagi. Pelaku dera didakwa di mahkamah, dijatuhi hukuman. Sepanjang berlangsungnya proses siasatan dan pendakwaan, macam-macam cerita timbul, melibatkan hampir semua orang dan semua pihak, antaranya adalah kalangan yang tergolong cerdik (yang sepatutnya menjadi manusia). Aneka macam karenah dipaparkan. Semuanya tiada lain kecuali memperlihatkan gejala kebusanan manusia. Aduh, betapa ganasnya manusia!

Sangka kita, hanya haiwan pemangsa yang ganas. Sangka kita, hanya haiwan lemah yang dimangsakan. Tetapi terbukti manusia itu jauh lebih ganas berbanding haiwan ganas. Manusia lemah jauh lebih sengsara berbanding haiwan lemah.

Dalam skala yang agak kecil, rata-rata mangsa dera adalah kalangan yang lemah. Para perempuan dan kanak-kanak. Kes-kes begini sangat mudah ditemui (kerana senantiasa direkodkan). Cuma, sesuatu yang tak mampu kita bayangkan ialah apa perlunya mendera pihak

yang tidak mampu melawan itu?

Seorang anak kecil berusia enam bulan atau setahun atau dua tahun atau sepuluh tahun didera demikian rupa oleh ibu atau oleh bapa sendiri (atau kadang-kadang oleh ibu bapa serentak). Penderaan yang memang tak masuk akal, mungkin awalnya sekadar dicubit-cubit, tetapi kemudiannya sampai '*dipiat-piat*', sampai dibalun dihentam, dihentak kepala ke dinding, dibiarkan lapar dan dahaga, dikurung atau dirantai/diikat, dan akhirnya '*maut*' (walaupun kedua ibu bapanya juga yang beriya-ya membawa mangsa ke hospital di saat mangsa sudah nazak).

Ini adalah perlakuan binatang, yang betapa bodohpun manusia, dia tak akan berbuat demikian terhadap anak kandungnya sendiri (bahkan terhadap manusia lain). Tetapi itulah yang berlaku. Itulah yang pernah dilakukan oleh seorang datuk terhadap tiga cucu perempuannya yang baru berusia tujuh dan sebelas tahun. Didera seksual, dijadikan seperti patung, dimamah malam siang, seperti memamah timun. Itu pula yang dilakukan oleh seorang bapa, yang juga mendera seksual anak perempuannya sendiri, merantai dan mengikat kaki dua puluh jam, disumbat mulutnya dengan kain, dan pada yang sama mensetubuhinya.

Jahatnya manusia!

Bayi baru berusia tujuh bulan, digodam-palu siang malam, dicucuh dengan puntung rokok, dijurus dengan air mendidih, dan bila dibawa ke doktor, dibuat diagnosis, macam-macam kecederaan dialami sang bayi. Sangat tak menasabah kalau kemaluan bayipun dirobek!

Betapa jahatnya manusia!

Memang diakui, sesuatu itu tak akan terjadi sendiri tanpa sebab musabab. Pendera juga barang kali didorong oleh sebab-sebab luar jangka sehingga dia sanggup mendera, hatta membawa kepada matinya mangsa.

Seorang ibu sanggup mendera-maut anak kandungnya yang baru berusia setahun. Logiknya dia tak perlu mendera kerana si anak pasti tidak mampu melawan. Melainkan kerana sakit mental dan rosak-jiwa, siapa tahu tekanan-tekanan hidupnya membuatkan dia berasa puas dengan mendera anak sendiri. Barang kali gara-gara sikap suami yang tidak bertanggungjawab, gara-gara adanya peranan orang ketiga sebagai penggoda, gara-gara terlalu miskin dan sebagainya.

Orang memang boleh hilang akal bila terlalu '*serabut*'. Si lemah-luyu boleh jadi kasar-ganas apabila perasaannya tersalai. Rasa cemburu melampau, ketakutan terhadap masa depan yang bakal dirampas pihak lain, kecewa kerana disisih keluarga, semuanya boleh mendorong seorang ibu mendera anak kandungnya sendiri.

Tinggal lagi, dalam konflik seperti ini, ke mana perginya si ayah kepada sang bayi (suami kepada sang isteri) yang berbuat dera itu? Kalau si ayah bekerja, dan tinggal si ibu bersama si bayi di rumah, masakan si ayah tidak pernah pulang ke rumah? Masakan si ayah langsung tidak dapat melihat kesan-kesan deraan terhadap anaknya itu? Masakan tidak boleh membezakan antara demam-demam biasa dengan sakit kerana didera?

Lalu, dalam sebarang kes dera yang melibatkan ibu dan anak, wajarkah untuk mengesam-pingkan begitu saja pertanggungjawab si ayah? Wajarkah untuk hanya menyalahkan si ibu sebagai pendera? Bahkan, terdapat pula kes-kes tertentu di mana si ayahlah yang jadi pendera. Kadangkala tiga empat anak didera sekali gus! Begitu juga, dalam kes-kes dera ke atas pembantu rumah, sering kali yang dituduh mendera adalah majikan perempuan, sedangkan pada masa yang sama majikan laki-laki juga tinggal bersama. Lalu ke mana dan apa

peranannya majikan laki-laki itu sehingga segala kesalahan dibebankan ke pundak majikan perempuan semata-mata?

Pun siapa tahu, bukan sekadar si bayi yang didera. Kitapun banyak mendengar khabar bagaimana isteri-isteri yang turut didera sehingga menimpakan kecacatan fizikal dan mental yang kekal. Perempuan-perempuan yang lemah fizikal, dicampur dengan beberapa faktor lain, sering kali tidak mampu memberontak kendati didera siang dan malam oleh sang suami. Suami kaki judi, memeras wang dari isteri. Tak diberi, batang kayu membedal belikat. Suami kaki botol, mereguk wang dari isteri. Tak dipenuhi, sterika panas menempel di perut. Suami penagih dadah, keluar petang balik pagi. Balik pun sekadar minta wang dari isteri. Bila tak ada wang, hujung pisau melekat di leher. Suami *hyper-sex* (maniak) mengganyang isteri sampai berdarah. Tak ditunai, tali pinggang sedia membalun. Diberi, seksanya berminggu-minggu. Suami kaki rambu. Pantang isteri menegur, terus kena lempang. Suami suka berlagak, pakaian selalu kemas, telefon tangan bertukar jenama. Tapi sekali isteri menyindir: "*Beli telefon boleh, bayar yuran sekolah anak tak boleh*," maka terus saja kaki suami naik menghentam punggung dan dada isteri.

Apakah itu kalau bukan mendera?

Dan kalau kemudian, si isteri jadi stres, lalu melepaskan geramnya kepada anak-anak, bagaimana sikap kita untuk menimbang-tara kes-kes sedemikian? Mudah untuk berkata: alangkah zalimnya si ibu, sanggup dera anak sampai mati. Tetapi siapa yang mahu bertanya: apa yang telah si ayah buat? Ke mana dan di mana si ayah duduk dalam situasi sedemikian?

Tetapi itulah. Dera boleh berlalu di mana-mana, terhadap siapa sahaja. Ya, siapa tahu, para kuli dan buruh kasar juga sebenarnya senantiasa didera dengan pelbagai tektik dan teknik, seperti mana kita banyak mendengar berita perihal para pembantu rumah yang didera oleh majikan mereka hingga terpaksa menanggung cacat seumur hidup.

Para pekerja restoran didera siang malam. Mula kerja jam enam pagi, masuk tidur jam dua pagi. Semua kerja mesti dibuat. Gajinya tak seberapa. Minta gaji lebih, diugut akan dibuang. Apatah kalau sang kuli pendatang tanpa izin, minta wang extra, diugut akan diserah ke imigrasen.

Itu jugalah yang kerap berlaku di tengah rimba belantara, di ladang-ladang kelapa sawit atau di ladang-ladang getah atau di ladang-ladang sayur yang luas lebar; juga di sektor pembinaan. Buruh bergaji murah dibawa-masuk dari seberang (antaranya sebagai barang seludupan), dihantar ke tempat kerja, dibekalkan dengan beras dan garam, lalu

Hanya dengan nilai-nilai kasih sayang itu sahaja, manusia tahu bahawa mendera bukanlah sesuatu yang relevan dengan misi dan visi kehidupan. Tanpa kasih sayang, tanpa berpatuk kepada ajaran agama, bila-bila masa sahaja manusia boleh bertukar menjadi haiwan. Dan dera akan terus menjadi tema besar dalam cerita dan berita!

harus bekerja. Entah dibayar gaji entah tidak, semuanya tak dapat dielakkan lagi. Pagi kerja petang kerja. Betapa terderanya mereka. Hubungan dengan dunia luar terputus. Untuk meredah malam mencari pihak berkuasa bagi mengadu, tak berani. Nanti akan ditangkap, disumbat ke penjara, lalu dihantar pulang dengan saku kosong!

Yang jadi pembantu rumah juga demikian. Bukan sahaja harus kerja siang malam, buat itu buat ini sampai tak ada masa tidur, malahan pantang buat salah, terus dimaki-hamun. Sekadar dimaki hamun, ya, masih okey. Ada pula yang disakiti, yang didera. Walaupun datang secara halal, melalui agensi, tapi pasport, visa dan wang dipegang majikan. Maka sukarlah untuk keluar mengadu hal. Pintu pagar, bahkan pintu rumah dikunci dari luar. Telefon juga dikunci. Lalu bagaimana lagi akan memberontak?

Mahu tak mahu, terima saja nasib yang menimpa. Dianjingkan oleh cik puan (atau ibu), digomol pula oleh tuan (atau bapa), kadang-kadang di dalam pengetahuan cik puan (atau bapa). Lebih parah apabila majikannya berlainan agama. Maka amalan agama sendiri pasti terbantut; sebaliknya yang halal dan yang haram tiada lagi sempadannya. (Pun jangan pula dikesampingkan kemungkinan sebaliknya, yakni si pembantu rumah yang mendera majikan. Pembantu rumah yang keras kepala, yang berani melawan, gemar memprotes, tahunya tidur dan makan. Tugas-tugas rumah diabaikan. Kalau dibuatpun hanya semasa majikan ada bersama. Pergi saja majikan, pembantu rumah terus jadi mem. Goyang kaki lipat siku di hadapan TV. Mulut asyik mengunyah kerana apa sahaja makanan ada dalam peti sejuk. Anak-anak majikan tidak dipedulikan; malahan idideranya pula dengan macam-macam teknik, sampai-sampai ibu kakipun disuap ke mulut anak majikan sebagai ganti puting susu. Petang-petang berlegar di hadapan rumah, pantang melintas 'jantan' mulalah mengorot. Lepas itu bergayut pula di telefon, hingga bilinya naik beratus ringgit sebulan. Nah, bila begini gayanya pembantu rumah, bayangkanlah betapa terderanya majikan?)

Tentu masih sangat banyak sektor kehidupan yang senantiasa diwarnai oleh dera mendera demikian; hal mana tak mungkin diungkapkan satu persatu.

Dan seperti yang selalu ditanya-tanyakan: bagaimana orang boleh dan sanggup mendera? Apakah kerana sakit jiwa sakit mental? Apakah kerana dorongan sadisme?

Jawapannya pasti akan berliku-liku, dan kadangkala sangat mengelirukan. Cuma satu, cuba kalau bagi sesiapa yang mendera itu, dikenakan balik deraan demikian kepadanya? Bagaimana reaksinya?

Seorang pembantu rumah didera oleh majikannya demikian rupa, antaranya dengan sterika panas. Sampai kulitnya melecur, dan akhirnya buruk berkulit. Cuba saja, ketika sang majikan diseret ke mahkamah untuk didakwa, tiba-tiba orang ramai datang berkumpul, dan tiap seorang membawa sebuah sterika, mengacu-ngacukan kepadanya. Ya, cuba dibuat begitu! Agaknya dalam masa sepuluh minit, dia akan pengsan!

Di tempat lain, seorang pembantu rumah mendera anak-anak majikannya. Perbuatannya dirakamkan melalui kamera tersembunyi. Cuba ketika dibawa ke mahkamah untuk didakwa, segala perlakuannya itu ditayangkan balik di hadapannya, dan cuba pula cara penderaannya itu didemonstrasikan balik, dengan dia sendiri sebagai mangsanya? Mahukah dia menerimanya?

Dalam skala yang lebih universal, mangsa dera adalah para prajurit atau sesiapa saja yang disyak-wasangkakan sebagai prajurit sesebuah negara, yang negaranya diprovokasi secara agresif. Mereka ditawan dan ditangkap oleh pihak penakluk, ditahan dan dipenjarakan di merata tempat dan di sanalah mereka didera. Tetapi tidak cukup

sekadar itu. Pihak penakluk juga sering kali menimpakan penderaan ke atas para perempuan dan kanak-kanak sesebuah negara yang dicerobohi dan ditaklukinya. Iraq dan Afghanistan, apatah Palestin, sedang mengalami ini, sebagaimana Bosnia dan Kosovo pernah mengalaminya.

Manusia-manusia Iraq, Afghanistan, Bosnia, Kosovo, Palestin dan sebagainya (terutama di Afrika yang kerap dilanda perang etnik), sangat mampu untuk bercerita bagaimana penderaan yang pernah mereka alami, bukan hanya di penjara, tetapi juga di ruang terbuka.

Yang ditangkap dan dibawa ke jel, didera dengan macam-macam aksi, yang tak mampu difikirkan oleh akal yang waras. Bahkan yang sedang berpesta untuk kenduri kahwin juga didera lebih dahsyat, dijatuhkan bom dan berpuluh-puluh orang sekali gus hancur berkecail

Sekali fikir, rupanya antara manusia moden ini, yang sudah begitu tamadun, sebenarnya adalah pewaris kanibal belaka. Secara zahir, mereka mungkin tidak lagi memakan manusia lain, tetapi secara tersirat, mereka lebih kanibal berbanding kanibalis sejati!

Dalam keadaan apapun, nampaknya sulit untuk menghapuskan 'kegedaran' mendera ini. Malahan untuk menguranginya sahaja kita sudah begitu pesimis. Semuanya gara-gara kecenderungan manusia yang tidak manusiawi.

Maka, untuk hari-hari mendatang, tidak ada apa lagi yang harus dihairankan kalau cerita dera demi dera memenuhi halaman-halaman media cetak dan media elektronik kita. Betapa pun pihak-pihak yang prihatin mengambil inisiatif untuk menghadapi gejala tersebut, ianya pasti sukar selagi di dalam diri manusia telah hapus atau kian hapus nilai-nilai kasih sayang sejagat. Kasih sayang sejagat yang harus berpatuk kepada nilai-nilai murni yang dianjurkan agama, di mana di dalam ajaran agama, telah ditegaskan awal-awal: "*Tidak sempurna iman seseorang selagi dia tidak mengasih orang lain sebagaimana dia mengasih dirinya sendiri*".

Hanya dengan nilai-nilai kasih sayang itu sahaja, manusia tahu bahawa mendera bukanlah sesuatu yang relevan dengan misi dan visi kehidupan. Tanpa kasih sayang, tanpa berpatuk kepada ajaran agama, bila-bila masa sahaja manusia boleh bertukar menjadi haiwan. Dan dera akan terus menjadi tema besar dalam cerita dan berita! Cerita-cerita guru dera murid (termasuk murid TADIKA), murid dera guru, penguasa sekolah dera tenaga pengajar, senior dera junior (di asrama atau di tempat kerja), jurulatih dera pelatih, suami dera isteri, isteri dera suami, ibu-bapa dera anak, pengasuh dera anak-asuhan, majikan dera pekerja, dan sebagainya lagi itu, akan terus menjadi drama realiti yang menyayat hati, yang pada situasi dan kondisi tertentu, boleh saja merosakkan imej negara dan bangsa kita di mata dunia!

Suami kaki rambu. Pantang isteri menegur, terus kena lempang. Suami suka berlagak, pakaian selalu kemas, telefon tangan bertukar jenama. Tapi sekali isteri menyindir: "Beli telefon boleh, bayar yuran sekolah anak tak boleh," maka terus saja kaki suami naik menghentam punggung dan dada isteri.